

Headline	Dr. M persoal niat Paderi Andrew		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	1,3	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	516 cm <sup>2</sup>
Journalist	SAHBULAH DARWI	AdValue	RM 10,198
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,595



## Dr. Mahathir persoal niat sebenar Paderi Andrew »3



Mengapa degil, sakitkan hati umat Islam muh guna kalimah Allah

# Dr. M persoal niat Paderi Andrew

Oleh SAHBULAH DARWI

pengarang@utusan.com.my

**PETALING JAYA** 8 Jan. - Tun Dr. Mahathir Mohamad mempersoalkan niat sebenar Pengarang *The Herald*, Paderi Lawrence Andrew yang terus menyakitkan hati umat Islam apabila berdegil mahu gereja-gereja Katolik di Selangor menggunakan kalimah Allah.

Sambil membidas sebarang perbuatan tidak menghormati keputusan mahkamah, Dr. Mahathir menegaskan, paderi tersebut perlu mengutamakan sensitiviti masyarakat berbilang kaum dan agama bagi mengelakkan berlaku huru-hara termasuk pembunuhan seperti di negara luar.

"Penggunaan kalimah Allah di Sabah dan Sarawak, telah lama (digunakan) tak apalah, tapi di sini (Semenanjung) apa sebab tiba-tiba nak digunakan?

"Kita suruh belajar Bahasa Kebangsaan pun tak belajar, nak berbicara Bahasa Kebangsaan pun tak, tiba-tiba dalam perkara ini nak guna sangat Bahasa Kebangsaan, pasal apa, ada niat apa?" katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama dalam Seminar Pengaruh

Korporat Keenam sempena Ulang Tahun Ke-50 Tabung Haji di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengurus Lembaga Tabung Haji, Datuk Abdul Azez Abdul Rahim dan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Dr. Mahathir mengulas kenyataan Andrew yang tetap tidak ber ganjak daripada pendirian supaya gereja Katolik di Selangor menggunakan kalimah Allah dalam perhimpunan mingguan yang menggunakan bahasa Melayu.

Dr. Mahathir berkata, isu penggunaan Kalimah Allah dirujuk ke mahkamah oleh pihak gereja namun apabila keputusan dibuat, mereka tidak mempedulikan.

"Kita jangan menyakitkan hati orang. Tapi dia (Andrew) sengaja, dah mahkamah kata jangan pun, (dia) tak peduli. Ini tak menghormati mahkamah," katanya.

Tegasnya, paderi tersebut perlu sedar selama ini terdapat banyak kesalahan yang dilakukan orang bukan Islam tidak ditegur oleh umat

Islam kerana menghormati sensitiviti serta atas dasar kebebasan beragama.

Malah, Dr. Mahathir turut mengakui, sewaktu bergelar Perdana Menteri, beliau tidak menegur kesalahan orang bukan Islam yang membina empat rumah ibadat dalam satu kawasan kecil disebabkan mahu menjaga sensitiviti.

"Di Malaysia kita tengok, orang bukan Islam bebas mengamalkan agama mereka sebaliknya di sesebuah negara bukan Islam, masjid tidak boleh didirikan," katanya.

Justeru katanya, Andrew digesa menghormati keputusan mahkamah terhadap penggunaan kalimah Allah di dalam Bible versi bahasa Melayu.

"Sama ada boleh digunakan atau tidak perkataan Allah dalam agama adalah perkara lain, yang harus kita utamakan adalah sensitiviti masyarakat," jelasnya.

Mengenai cadangan membuka premis hiburan Hard Rock Cafe di Putrajaya yang ditentang pelbagai pihak, Dr. Mahathir berpendapat, tiada masalah untuk dibuka premis hiburan tetapi perlu menghormati undang-undang termasuk larangan menjual arak.

Headline	Dr. M persoal niat Paderi Andrew		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	1,3	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	516 cm <sup>2</sup>
Journalist	SAHBULAH DARWI	AdValue	RM 10,198
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,595



**DR. MAHATHIR** Mohamad bersalam dengan peserta seminar Pengarah Korporat Keenam sempena Ulang Tahun ke-50 Lembaga Tabung Haji di TH Hotel, Kelana Jaya, Selangor, semalam. Turut kelihatan, Abdul Azeez Abdul Rahim (kiri) dan Ismee Ismail (dua kiri). - UTUSAN/ RIDUAN RIZAL AHMAD